

Tarikh Dibaca: 16 FEB 2018M / 30 JAMADILAWAL 1439H

KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

“TUNTUTAN SOLAT BERJAMAAH”

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)
**Timbalan Pengarah (Operasi),
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)
**Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor
7. **Tuan Haji Abdul Haleem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urusetia)
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



"TUNTUTAN SOLAT BERJAMAAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا زَكَوْهُ وَأَرْكَعُوا

¹ مع الرَّكِعَيْنَ 

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ
وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat sekalian, marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya, mudah-mudahan kita memperoleh kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Marilah kita sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "**TUNTUTAN SOLAT BERJAMAAH**".

Hadirin yang berbahagia,

¹ Al-Baqarah : 43



Antara syiar Islam yang utama dan kelebihannya yang agung ialah solat secara berjamaah di masjid sebagaimana amalan Nabi SAW. Dalam Islam solat secara berjamaah adalah perkara yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi disisi Allah SWT. Lantaran itu perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika tiba di Madinah ialah membina masjid untuk menunaikan solat.

Firman Allah SWT dalam surah An-Nur ayat 36 :

فِي بُيُوتٍ أَذْنَ اللَّهُ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا أَسْمُهُ، يُسَبِّحُ لَهُ، فِيهَا
بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَالِ

"(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali) di rumah-rumah Ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan Ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang".

Syiar ini telah diringan-ringankan oleh kebanyakan umat Islam, kerana menuruti hawa nafsu, serta golongan yang sedikit takutnya kepada Allah swt dalam hati mereka, yang terdiri daripada golongan orang-orang yang malas dan munafik.

Sesungguhnya meninggalkan solat secara berjamaah adalah merupakan suatu kerugian yang sangat besar, di mana sebilangan besar dalam masyarakat tidak mempedulikan amalan ini dan tidak hadir ke masjid-masjid, sedangkan mereka mendengar seruan حى ، حى على الصلاح (على الفلاح), tetapi mereka tidak menghiraukannya.

Ingartlah ancaman daripada Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah saw pernah



mengancam untuk membakar rumah orang-orang yang meninggalkan solat secara berjamaah di masjid.

Muslimin yang dirahmati sekelian,

Sesungguhnya pahala solat seseorang secara berjamaah melebihi 27 darjah daripada solat bersendirian. Seandainya diseru kepada manusia itu dengan hanya 1 ringgit yang dilaburkan dalam perniagaan akan digandakan kepada 27 ganda, nescaya mereka berlumba-lumba, malah sanggup berbalah kerana tamakkan keuntungan dunia yang sedikit itu. Kelebihan solat berjamaah berbanding solat seorang diri ini sangat jelas sebagaimana dinyatakan dalam hadis daripada Abdullah Ibnu Umar R.Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda :

**صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةِ الْفَذِ بِسَبْعٍ
وَعِشْرِينَ دَرَجَةً**

"Solat berjamaah lebih afdal daripada solat bersendirian sebanyak dua puluh tujuh darjah".

(Riwayat Al-Bukhari)

Hadirin Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekelian,

Sesungguhnya terdapat banyak fadhilat yang sangat besar apabila kita solat secara berjamaah, antaranya dalam hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda bahawa :

**لَوْ يَعْلَمُ النَّاسُ مَا فِي النِّدَاءِ وَالصَّفِّ الْأَوَّلِ ثُمَّ
لَمْ يَجِدُوا إِلَّا أَنْ يَسْتَهِمُوا لَا سَتَهِمُوا عَلَيْهِ، وَلَوْ**



يَعْلَمُونَ مَا فِي التَّهْجِيرِ لَا سَتَبَقُوا إِلَيْهِ، وَلَوْ يَعْلَمُونَ
مَا فِي الْعَتَمَةِ وَالصُّبْحِ لَا تَوْهُمَا وَلَوْ حَبُّوا

"Sekiranya manusia itu mengetahui pahala menyahut seruan azan dan pahala pada sof pertama, nescaya mereka akan mengundi untuk mendapatkan keduanya, dan sekiranya mereka mengetahui pahala orang yang bersegera mendatangi solat, nescaya mereka akan berlumba-lumba untuk lebih awal, dan sekiranya mereka mengetahui pahala solat isya` dan solat subuh berjemaah, nescaya mereka akan mendatanginya meskipun dengan merangkak."

(Riwayat Al-Bukhari)

Selain itu, kelebihan daripada solat berjamaah adalah seperti hadis daripada Anas Bin Malik bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى لِلَّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا فِي جَمَاعَةٍ يُدْرِكُ
الْتَّكْبِيرَةَ الْأُولَى كُتِبَتْ لَهُ بَرَاءَةٌ، بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ
وَبَرَاءَةٌ مِنَ النِّفَاقِ.

"Sesiapa yang sembahyang kerana Allah selama 40 hari dengan berjemaah dan mendapat takbir yang pertama. Ditulis bagi orang itu dua pelepasan, pelepasan daripada neraka, dan pelepasan daripada menjadi orang munafik".

(Riwayat At-Tirmizi)



Di samping itu hadis daripada Abu Umamah Al-Bahili RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :

مَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ مُتَطَهِّرًا إِلَى صَلَاةِ مَكْتُوبَةٍ
فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْحَاجِ الْمُحْرِمِ

“Sesiapa yang keluar dari rumahnya dalam keadaan berwuduk untuk menunaikan solat fardhu secara berjamaa, maka pahalanya seperti pahala seorang yang berihram mengerjakan haji.”

(Riwayat Abu Daud)

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Melalui rumah Allah yang suci ini, marilah kita bersatu, memperkuatkan pertalian ukhuwah untuk bersama-sama membantu anak-anak kita, jiran tetangga, ahli masyarakat kampong dan taman dengan memujuk dan mengajak mereka untuk mengimarahkan masjid. Juga sama-sama solat berjamaah setiap waktu yang termampu oleh kita. Alangkah bahagianya sekiranya kita dapat bersama-sama berdiri dalam saff-saff dibelakang imam dan bahagianya jika kita dapat sama-sama duduk berwirid, berzikir, berdoa dan bersalam-salaman setiap waktu bertemu muka setiap hari dalam suasana yang penuh ketulusan dan keikhlasan kepada Allah swt.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Kesimpulan khutbah yang dapat kita ambil pengajarannya pada hari ini adalah:



1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa semua perintah Allah dan Rasul itu perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.
2. Umat Islam wajiblah menunaikan kefardhuan solat kerana ia adalah merupakan amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah mengutamakan solat berjemaah kerana fadhilatnya cukup banyak dan besar ganjarannya di sisi Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ
وَأُمْرُ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَأَصْطَبَرَ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَّحْنُ
نَرْزُقُكَ وَالْعِقَبَةُ لِلتَّقْوَىٰ



“Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. kami tidak meminta rezeki kepadaMu, (bahkan) kamilah yang memberi rezeki kepadamu. dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa”.

(Taha : 132)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ وَهُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ.



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ
وَلَسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ وَ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

Hasal / syida

7.2.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِيهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتِهَا الْذِيْنَ اَمَنُوا
صَلُوْأْ عَلَيْهِ وَسَلِمُوا تَسْلِيْمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ
أَعِزَّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْلَمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحَفْظِ وِقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ، ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَائِيَّةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ
سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ، إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ



الدِّين ادريس شاه الحاج، فِي أَمْن وَصَلَاح وَعَافِيَةٍ
بِمَنِّكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا، مُصْلِحْهُمَا لِلنُّورِ وَالرَّحْمَةِ وَالْبِلَادِ،
وَبِلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga negeri ini menjadi negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan dibawah naungan dan kepimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا ءاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

